

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI**  
**[KUDAT]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 19**

**YB Datuk Abd Rahim Bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk membaik pulih klinik-klinik kesihatan termasuk rumah kakitangan di kawasan Parlimen Kudat memandangkan kebanyakan daripada bangunan ini telah uzur dan tidak selesa untuk didiami.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sabah. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sabah terutamanya projek Klinik Kesihatan (Jenis 5) Sikuati, Kudat.

Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 5) Sikuati, Kudat telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

- Kos Projek : RM20,000,000.00
- Skop Projek : 1) Bangunan baru Klinik Kesihatan Jenis 5  
2) Kuarters: 8F dan 8G  
3) Peralatan Perubatan dan Bukan Perubatan (Group 3 & 4)
- Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalaman (JKR)
- Kaedah Perolehan : Tender Terbuka
- Status Pelaksanaan : Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Disember 2017 dan dijangka siap pada Julai 2020.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini agar projek ini disiapkan pada masa, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Kemudahan klinik yang selamat dan selesa untuk pelanggan dan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan adalah menjadi perhatian dan keutamaan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada masa yang sama keselesaan dan keselamatan anggota KKM yang mendiami kuarters atau rumah kakitangan juga tidak dilupakan.

Pada tahun 2015, sejumlah RM1,234,895 telah dibelanjakan untuk pembaikan sebelas (11) klinik dan kuarters di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Pada tahun 2016 pula, sejumlah RM222,000 telah dibelanjakan melibatkan 3 buah fasiliti di daerah berkenaan. Walau bagaimanapun pada tahun 2017, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah masih belum menerima peruntukan untuk pembaikan klinik dan kuarters, kecuali peruntukan untuk pembaikan fasiliti yang terjejas akibat bencana banjir di Kota Marudu.

Di Negeri Sabah terdapat sejumlah 24 buah hospital, 334 klinik dan 2,664 buah kuarters yang memerlukan penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima adalah terhad dan agihan adalah mengikut keutamaan.

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD  
WASALI [SIPITANG]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10090**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan komitmen Malaysia membanteras jenayah pemerdagangan manusia, bagi mengekalkan momentum kedudukan Malaysia yang dinaik taraf ke Tahap 2 sebagaimana terkandung dalam Laporan Tahunan bagi tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah dinaikkan ke Tahap 2 dalam Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pmerdagangan Orang Tahun 2017 (US TIP Report). Laporan yang dikeluarkan pada 27 Jun 2017 ini adalah melibatkan penilaian terhadap 187 buah negara mengenai usaha membanteras jenayah pmerdagangan orang melalui 3 komponen utama iaitu pendakwaan, perlindungan dan pencegahan.

**2 Faktor Utama**

(i) peningkatan siasatan, pendakwaan dan sabitan kes pmerdagangan orang

Pengiktirafan ini adalah berdasarkan peningkatan siasatan, pendakwaan dan sabitan kes pmerdagangan orang berbanding tempoh penilaian tahun sebelumnya. Malaysia telah merekodkan 100 sabitan kes dengan 35 individu telah dijatuhkan hukuman berbanding hanya 7 pada tahun 2015. Penubuhan Pasukan Petugas Khas (Task Force) Anti Pmerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran atau Anti-Trafficking in Person & Smuggling of Migrants (ATIPSOM) yang terdiri daripada pelbagai agensi telah turut memberi nilai tambah kepada Malaysia dalam aspek penguatkuasaan kes pmerdagangan orang.

**(ii) penambahbaikan aspek perlindungan mangsa**

Aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang turut telah ditambahbaik dengan pelaksanaan peraturan kebenaran bekerja dan bergerak bebas serta pembayaran elaun kepada mangsa. Malaysia juga telah berkolaborasi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pelaksanaan program kepada mangsa termasuk bertanggungjawab sebagai pegawai pelindung.

**Tindakan Untuk Mengekalkan Momentum**

**(i) melaksanakan cadangan-cadangan penambahbaikan**

Bagi mengekalkan momentum ini, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan dan dipersetujui dalam Mesyuarat High Level Committee (HLC) Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) untuk dilaksanakan terutama dalam meningkatkan siasatan, pendakwaan dan sabitan kes pemerdagangan orang.

**(ii) pengemaskinian proses pelaksanaan perarutan-peraturan sedia ada**

Bagi menambahbaik aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang, Kerajaan akan mengemaskini proses pelaksanaan peraturan-peraturan sedia ada. Ini secara langsung akan meningkatkan bilangan mangsa yang menikmati kebenaran

bergerak bebas dan bekerja. Kolaborasi antara Kerajaan dengan NGO telah diperkukuhkan dengan penyaluran sumbangan khas kepada 2 NGO untuk menguruskan rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang iaitu Pusat Kebajikan Good Shepherd dan Tenaganita.

**(iii) pelaksanaan pembayaran levi oleh majikan**

Kerajaan juga akan memastikan pembayaran levi oleh majikan dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2018. Tindakan ini adalah perlu sebagai langkah pencegahan supaya pekerja asing tidak terjerumus dalam situasi keterikatan hutang (debt bondage) dan kemungkinan dieksploitasi.

**(iv) meneruskan program-program dalam Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2016 – 2020**

Kerajaan akan terus melaksanakan program-program dalam Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2016 – 2020 yang telah menggariskan 5 prinsip panduan iaitu:

- (a) tanggungjawab Kerajaan;**
- (b) penyertaan masyarakat sivil;**
- (c) layanan terhadap mangsa berdasarkan hak asasi manusia;**

- (d) koordinasi di kalangan agensi di peringkat Kerajaan dan dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa serta NGO; dan**
- (e) penilaian sistematik dan ketahanan.**